

Headline **Naib Canselor wanita bukan punca merosot**
Date **10. Jul 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **8**
Section **Dlm Negeri** Article Size **70** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Black/White**



Naib Canselor wanita bukan punca merosot

KUALA LUMPUR 9 Julai - Kegagalan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM) menduduki senarai 200 universiti terbaik dunia Times Higher Education Supplement (THES) bukan berpunca daripada naib canselor kedua-dua universiti itu adalah wanita.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, isu gender sama sekali tidak ada hubung kait dengan kemerosotan kedua-dua universiti itu kerana penurunan prestasi turut berlaku di intitusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang ditadbir oleh naib canselor lelaki.

"Jika kita lihat terdapat juga universiti tempatan yang ditadbir oleh naib canselor lelaki yang merosot prestasi mereka iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

"Kejatuhan ranking mahupun prestasi kedua-dua universiti tersebut sama sekali tidak ada kaitannya dengan gender," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Dr. Mohd. Puad Zarkashi (BN-Batu Pahat)** semasa sesi pengguluangan perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada sidang Dewan Rakyat hari ini.